

Tarikh : 23/9/2021 (Khamis)

Masa : 10:45 pagi hingga 11:45 pagi.

Tatabahasa Kata Seru dan Ayat Seru. Tajuk : Katil Mesra Pengguna. Rujuk halaman 136

Nota Kata Seru dan Ayat Seru.

1. Kata seru adalah kata yang menyatakan perasaan seseorang seperti sakit, marah, terkejut, hairan, sindiran, sedih, takut, terperanjat, hiba, dan sebagainya.
2. Cara penggunaannya disesuaikan dengan intonasi pengucapan iaitu dengan nada meninggi atau menurun.
3. Kata seru digunakan untuk membentuk ayat seruan.
4. Ayat seru perlu diletakkan tanda bacaan koma (,) dan tanda seru (!) pada akhir ayat tersebut.

Latihan 1:

Rujuk buku teks muka surat 136 untuk menulis jawapan. Taip kata seru yang sesuai dan tanda seru (!) pada ayat seru di bawah berdasar ayat dalam buku teks.

Contoh:

Aduh, sakitnya tanganku!

1. _____, katil mesra OKU ciptaan tuan memenangi hadiah inovasi_____
2. _____, ciptaan saya biasa sahaja jika dibandingkan dengan ciptaan profesional lain_____
3. _____, idea ini tercetus ketika melihat kepayahan isteri saya yang sakit selepas dibedah_____
4. _____, simpati saya mendengarnya_____
5. _____, menarik sungguh fungsinya_____
6. _____, telitilah risalah tentang katil inovasi ciptaan saya ini_____